



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Pejabat
Hal Ehwal Korporat
UTM Kuala Lumpur

Pejabat Hal Ehwal Korporat
Aras 16, Menara Razak
Universiti Teknologi Malaysia
Jalan Semarak
54100 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: +(6)03-21805127 / 5073 Faks: +(6)03-21805602 <http://www.utm.my/corporateaffairs/kl> Emel: corporate@ic.utm.my

RUJUKAN KAMI:

KENYATAAN MEDIA

HEBAHAN SEGERA

FORUM KEBANGSAA MENANGANI KENAIKAN KOS SARA HIDUP

Kuala Lumpur, 8 November 2016: International Business School, Universiti Teknologi Malaysia (UTM IBS), Institut Dasar Ekonomi dan Kewangan (ECoFI) dan Universiti Utara Malaysia (UUM) akan menganjurkan Seminar dan Forum Kebangsaan Menangani Kenaikan Kos Sara Hidup pada 8 November 2016 ini. Seminar dirasmikan oleh Pengarah Bahagian Strategik, Pejabat Perdana Menteri, Datuk Shahlan Ismail, akan diadakan di Dewan Azman Hashim, UTM Teknologi Malaysia Kuala Lumpur.

Seminar dan forum ini merupakan platform untuk penyelidik dan pengamal (practitioner) berkongsi idea dan bertukar pandangan berkaitan dengan isu-isu kos sara hidup melalui kepelbagaian pendapat. Di samping itu, ia mampu menjadi satu wadah yang berkesan untuk penerokaan idea baru yang relevan berkaitan isu kos sara hidup dan seterusnya membantu golongan pengguna menghadapi kelangsungan kehidupan seharian mereka.

Terdapat tiga sesi pembentangan kertas kerja melibatkan 18 kertas kerja yang akan diadakan pada sebelah pagi di mana para penyelidik akan berkongsi dapatan-dapatan kajian yang melibatkan pelbagai isu berkaitan kos sara hidup. Forum yang akan diadakan pada sebelah petang pula, akan dipengerusikan oleh Profesor Dr. Asan Ali (UTM International Business School), akan membincangkan tentang isu kesejahteraan rakyat dan kos sara hidup.



ANUGERAH HARTA
INTELEK NEGARA 2010
Kategori Organisasi
2006, 2009 & 2010



ANUGERAH MERDEKA 2009
Pencapaian Ulung Akademik dan
Kesehatan, Sains & Teknologi



ANUGERAH JENAMA
YANG DIPERCAYAI
Reader's Digest 2010
Kategori Universiti

Terdapat empat orang ahli panel iaitu YBhg. Dato' Halimi Abd. Manaf (Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan), YBhg. Datuk Prof. Mohd. Yusof Kasim (Pengerusi Lembaga Pengarah, Maktab Koperasi Malaysia), YBhg. Datuk Azih Muda (Presiden CUEPACS) dan YBhg. Tn. Hj. Mohd. Azmi Abdul Hamid (Ahli Majlis, Penasihat Gerakan Pengguna Negara) yang akan membincangkan dan mengupas isu tersebut.

Untuk maklumat lanjut sila hubungi;

Pn. Siti Rahmah Othman

Assistant Registrar (Marketing)

UTM International Business School (UTM-IBS)
Level 10, Menara Razak,
Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur,
Jalan Sultan Yahya Petra,
54100 Kuala Lumpur

Office: [+603-2180 5031](tel:+603-21805031) | Fax: [+603-2180 5608](tel:+603-21805608) | Website: www.ibs.utm.my